

JATUH DARI POKOK RAMBUTAN

Tahun Baru Cina yang lepas, Azam dan keluarganya telah balik ke kampung untuk melawat datuknya. Setelah dua jam dalam perjalanan, Azam tidak sabar untuk berjumpa datuk kesayangannya. Dalam perjalanan, mereka pun sampai di rumah datuknya. Azam salam dan memeluk datuk dan neneknya. Mereka kemudian masuk dan dijamu dengan makan tengah hari.

Keesokkan harinya, selepas Azam bersarapan, dia meminta izin ibunya untuk bersiar-siar di dusun datuknya. Ibunya memberi izin tetapi ibunya memberi amaran kepadanya supaya jangan merayap, jangan panjat pokok dan dia mesti pulang sebelum waktu makan tengah hari. Dia pun berjanji dan keluar dari rumah.

Azam bersiar-siar dan ternampak pokok pisang, pokok mangga dan pokok durian. Tiba-tiba perutnya terasa lapar dan Azam ternampak sebatang pokok rambutan yang sedang berbuah lebat dan masak ranum. Dia hendak panjat kerana rambutan ialah buah kegemarannya. Pada mulanya, Azam agak keberatan untuk memanjat pokok rambutan itu kerana telah berjanji dengan ibunya tetapi oleh kerana teringin sangat hendak memakan buah rambutan yang masak ranum itu, dia mengenyepikan janjinya kepada ibunya.

Dengan berhati-hati, dia pun memanjat pokok rambutan itu. Tiba di atas, dia berpijak di sebatang dahan dan cuba mencapai setangkai rambutan. Dia suka hati apabila dapat mencapainya. Tiba-tiba dia ternampak seekor ular pokok. Tangannya terlepas lalu dia terjatuh ke bawah. Kakinya terasa sakit lalu dia memekik meminta tolong.

Kebetulan, abangnya sedang berlalu di situ. Abangnya memanggil ibu dan ayahnya. Mereka kemudian menelefon ambulans untuk membawa Azam ke hospital. Doktor memeriksa kakinya yang sakit. Dia diberitahu bahawa kakinya patah dan harus disimen. Dia harus tinggal di hospital selama tiga minggu.

Azam berasa kesal. Dia sedar kesalahannya. Dia meminta maaf daripada ibunya. Dia sedar bahawa dia harus sentiasa mematuhi dan mendengar nasihat orang tuanya.

Shereen Bte Salleh
Kelas 5.3



TERJUMPA DOMPET

“Kringggg!” jam loceng sekolah berbunyi. Kini tiba masanya untuk Alan pulang ke rumah. Alan sangat gembira dapat pulang kerana dia sudah letih belajar dan ingin berehat. Dia pun memulakan perjalanannya.

Alan sedang mendendangkan sebuah lagu apabila dia terpijak sesuatu yang keras. Dia menjenguk ke bawah dan ternampak sebuah dompet. Dia memungut dompet itu. Alan kelihatan ghairah.

Terdapat enam ratus dolar di dalam dompet itu. Alan hendak menyimpan duit itu. “Eh, kalau aku simpan duit itu, aku berasa serba-salahlah!” kata Alan di dalam hatinya. Alan berfikir dua kali dan ingin melaporkan kepada pihak polis.

Dia terus berlari ke balai polis kerana takut jika tuan punya dompet itu sudah tiba untuk melaporkan hal itu kepada polis. Alan sungguh penat tetapi dia tahu bahawa perbuatannya itu baik.

Alan memberitahu polis bahawa dia telah menjumpai sebuah dompet berdekatan dengan sekolahnya. Pegawai polis itu bertanyakan banyak soalan dan Alan menjawabnya dengan bersungguh-sungguh.

Tidak lama kemudian, seorang peniaga yang berbaju putih memasuki balai polis itu. Dia kelihatan cemas dan gelisah. Dia terus bertanya jikalau sebuah dompet telah dijumpai.

Polis itu bertanya kepada peniaga itu dan ternyata dialah tuan kepada dompet yang telah Alan jumpai. Peniaga itu sangat gembira dan dia telah memberi hadiah kepada Alan sebagai tanda penghargaanannya.



Lily Ana
Kelas 5.5

Pendakian Gunung Everest

Ali, Ahmad dan Azman hendak mendaki gunung pada hari itu. Perasaan tidak sabar berada di hati. Mereka telah pun bertekad untuk teruskan niat mereka walaupun keadaan di sana bahaya dan sejuk. Persiapan awal telah pun dibuat.

Mereka semua ke rumah Ali untuk mendengar taklimat tentang pendakian itu. Sebelum berangkat, mereka membekalkan makanan dan minuman. Tersemat perasaan ghairah di hati mereka.

Apabila tiba di kaki Gunung Everest, mereka memakai baju sejuk kerana cuaca di puncak menggigilkan. Mereka pun mulakan pendakian. Sebuah helikopter memerhatikan mereka dari atas kerana mereka harus bersedia jika terjadinya kecemasan. Setelah empat jam mendaki, mereka pun berhenti untuk berehat kerana terlalu penat.

Mereka meneruskan perjalanan apabila rasa penat dan dahaga hilang. Sewaktu di dalam perjalanan, tiba-tiba, Ahmad mengadu kesakitan pada kakinya. Rupa-rupanya, dia mengalami kekejangan otot. Salah seorang daripada pasukan penyelamat itu ternampak apa yang terjadi dan terus memandu helikopternya ke sana.

Helikopter itu tiba di tempat kejadian dan pasukan penyelamat mengangkat Ahmad ke dalam helikopter tersebut. Ali dan Azman melambai ke arah Ahmad.

Selepas itu, pendakian diteruskan juga walaupun Ahmad tidak bersama mereka. Mereka tidak berputus asa. Mereka mendaki hingga ke puncak gunung. Azman dan Ali melambai-lambai dan mencacakkan bendera Singapura di puncak gunung itu. Itulah saat paling gembira bagi Ali dan Azman.

Marliah Rose Dewi

Kelas 5.5



Hari Pertama Di Sekolah

“Kringggg!” Jam loceng pun berbunyi pada pukul enam pagi. Saya terus bangun. Saya mengambil tuala dan masuk ke tandas untuk mandi. Selepas mandi, saya pun berasa ghairah kerana hari itu merupakan hari pertama sekolah dibuka.

Saya bersiap dan bersarapan. Pada pukul 6.30 pagi, saya memakai stoking dan kasut sekolah. Kemudian, saya pun menuruni tangga. Semasa berjalan ke sekolah, hujan turun dengan lebatnya. Disebabkan hujan, kami terpaksa berhimpun di dewan sekolah. Di situlah, buat kali pertama, kami mengenali Puan Yeo, pengetua sekolah kami yang baru.

Kami beratur dan berjalan menuju ke kelas baru pada pukul 7.30 pagi. Saya telah membuat ramai kawan baru. Saya hanya dapat bertemu kawan lama saya sewaktu rehat. Saya amat merindui mereka.

Semasa di kelas pula, guru saya, Puan Brampy memberikan kami jadual waktu dan berbincang tentang peraturan di kelas dan sekolah. Dia juga telah menasihati kami tentang disiplin yang harus ada pada setiap murid. Masa berlalu begitu cepat pada hari itu. Kami pulang tepat pada pukul satu petang.



Nur Irfan

Kelas 5.6

Seekor Kucing

Bunyi ayam berkokok telah memecahkan sunyi dikeheningan pagi. Seperti biasa, Fadzli, anak kepada Encik Azmaan , bangun pagi untuk pergi ke sekolah. Hari ini adalah hari Rabu. Setelah memakan dua keping roti dan meminum segelas susu, Fadzli pun pergi ke sekolah.

“Ring!!! Ring!!!” loceng berbunyi. Waktu sekolah sudah tamat. Fadzli terus pulang ke rumah kerana hari ini dia tidak mempunyai sebarang aktiviti ko-korikulum. Dalam perjalanan pulang, Fadzli terlihat seekor kucing yang kecil dan comel. Dia tidak mengendahkan kucing itu kerana dia tidak berapa gemar akan kucing. Setelah beberapa minit berjalan, Fadzli merasakan seperti ada seseorang atau sesuatu yang mengekorinya. Dia memusingkan badannya lalu terkejut apabila terlihat kucing yang dilihatnya tadi mengekorinya.

Fadzli berasa simpati atas kucing itu lalu memutuskan untuk membawa kucing itu pulang. Sambil mendukung kucing itu, dia berjalan pulang. Setibanya di rumah, dia pun menyalin pakaiannya lalu membuatkan kucing itu sebuah rumah. Fadzli gemar bertukang. Sementara membuat rumah kucing, dia telah memberikan kucing itu makanan dan minuman. Setelah rumah itu siap, Fadzli pun memasak di dapur. Sedang dia memasak, ayah dan adiknya, Naila, pulang.

Fadzli membuatkan ayahnya kopi lalu memberikannya kepada ayahnya yang sedang duduk di sofa sambil membaca suratkhbar. Adiknya pula sedang bermain dengan kucing itu. Tanpa menghiraukan kucing itu lagi, Fadzli terus ke biliknya untuk membuat kerja sekolah.

Naila membelai kucing itu dengan penuh kelembutan. Kucing itu lari dengan tiba-tiba. Naila mengejar kucing itu.

Naila amat geram akan kucing itu lalu menarik ekor kucing itu. Kucing itu mengiau kesakitan.

Encik Azman yang mendengar ngiauan kucing itu bangun dari tempat duduknya lalu menerpa ke arah dia mana Naila berada. Encik Azman berasa sangat marah ke atas Naila kerana tidak menyayangi dan mengasihani kucing. Naila meminta maaf. Dia berjanji tidak akan mengulangi kesilapannya lagi.

*Nurhanisah
Kelas 5.7*



ADIKKU SAYANG



Saya mempunyai sebuah keluarga yang kecil. Anggota keluarga saya terdiri daripada ayah, ibu, adik dan saya sendiri. Adik saya baru sahaja berusia empat tahun. Dialah satu-satunya adik yang saya kasihi.

Adik saya bernama Fawzy. Rambutnya berjambul dan kulitnya cerah. Matanya agak besar dan bulat. Adik selalu tersenyum dan dia suka bergurau dengan saya. Kami selalu bermain bersama. Saya akan bermain dengannya pada masa lapang.

Ada masanya adik saya agak nakal. Dia pernah mengoyakkan buku sekolah saya dan menconteng kerja sekolah saya yang diberikan oleh cikgu. Dia juga suka membongkar barang-barang di kabinet dapur. Dia memang suka mengacau ahli keluarga yang lain. Biasanya saya akan menjaga adik jikalau ibu sedang memasak kerana adik tentu akan mengacau ibu.

Adik saya suka memakan buah-buahan seperti epal dan anggur kerana ianya manis. Alat permainan yang disukainya ialah mainan-mainan jentera seperti “Bob, the Builder”.

Walaupun adik saya itu kadang kala nakal, saya amat menyayanginya. Pernah suatu hari selepas waktu sekolah, saya membelikan adik saya sebuah kereta mainan dengan menggunakan wang saku sekolah saya. Itulah saat yang paling menggembirakan saya apabila melihat adik begitu gembira menerima kereta mainan itu.

Saya bersyukur kerana Allah telah menganugerahi seorang adik yang comel kepada saya. Saya akan menjaganya dengan baik. Terima kasih Tuhan.

Muhammed Faez
Kelas 5.7